

# PENGURUSAN PELARIAN DI SABAH DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH: SATU CADANGAN PENYELIDIKAN

## *MANAGEMENT OF REFUGEES IN SABAH FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID SYARIAH: A SUGGESTION FOR INVESTIGATION*

Siti Fatimah Az-Zahraa M. Rasid Rida<sup>1</sup>  
Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>2</sup>  
Syamsul Azizul Marinsah<sup>3</sup>  
Nur Ain Hasrianah Jemit@Hasrie<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mail: zahraa.rasid@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mail: mnhidayath\_h@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mail: syamsulazizul@ums.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia (E-mail: hasrianahhasrie@gmail.com)

### Article history

**Received date** : 18-8-2023

**Revised date** : 19-8-2023

**Accepted date** : 24-10-2023

**Published date** : 15-12-2023

### To cite this document:

M. Rasid Rida, S. F. A., Hasbollah Hajimin, M. N. H., Marinsah, S. A., & Jemit@Hasrie, N. A. H. (2023). Pengurusan pelarian di Sabah dari perspektif maqasid syariah: Satu cadangan penyelidikan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 57 – 70.

**Abstrak:** Isu pelarian Filipina di Sabah merupakan isu yang sering menjadi polemik dalam kalangan pemimpin dan masyarakat tempatan di Sabah. Sistem pengurusan pelarian yang berkaitan dengan hak-hak asasi manusia adalah antara isu yang hangat dibincangkan. Hal ini kerana telah menjadi tanggungjawab sosial kerajaan untuk memberikan keperluan asas dan perlindungan kepada mereka apabila pihak kerajaan telah menerima kemasukan mereka meskipun hanya atas dasar perikemanusiaan. Terdapat banyak kajian yang membahaskan pengurusan pelarian di Sabah dari aspek sosial dan ekonomi secara khusus yang merangkumi pengurusan kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan dan sebagainya. Bagaimanapun, kurangnya kajian yang melihat pengurusan pelarian secara menyeluruh dari sisi pandang agama. Oleh itu, kertas kerja ini ingin mencadangkan sebuah kajian dilaksanakan mengenai pengurusan pelarian di Sabah yang majoritinya beragama Islam dari perspektif Maqasid Syariah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan, temu bual dan pemerhatian. Lokasi kajian dijalankan di lima buah Skim Penempatan Masyarakat Pelarian yang telah digazetkan di Sabah bertempat di daerah Papar, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Semporna. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik. Hasil dapatan kajian menjangkakan akan menghasilkan satu panduan kadar minima dan kadar maksimum dalam menjaga keperluan utama (ad-dharuriyyah) manusia sejajar di bawah kerangka konsep dalam Maqasid Syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan/maruah dan harta. Kajian ini diharapkan dapat menjadi salah satu rujukan kepada pihak berautoriti untuk melakukan penambahbaikan dalam sistem pengurusan pelarian di Malaysia umumnya dan Sabah khususnya agar hak-hak asasi golongan tersebut dibela.

**Kata kunci:** Pelarian Filipina, pengurusan, Maqasid Syariah, hak asasi manusia, Sabah.

**Abstract:** The issue of Filipino refugees in Sabah is an issue that often becomes a polemic among leaders and local communities in Sabah. One of the most contentious topics is the refugee management system in relation to human rights. This is given that it has become the government's social obligation to provide them with basic requirements and safety after accepting their immigration, even if solely on humanitarian grounds. Many studies have been conducted to discuss the management of refugees in Sabah, particularly from social and economic perspectives, which include health management, education, work prospects, and etc. However, there is a lack of studies that look at the overall management of refugees from a religious point of view. As a result, this article would like to offer research on the management of refugees in Sabah, where the majority of the population is Muslim, from the standpoint of Maqasid Syariah. This study is qualitative by using the approaches of content analysis, interviews, and observations. The study was conducted in the five refugee community settlement schemes that have been gazetted in Sabah, located in the districts of Papar, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, and Semporna. The data and information obtained were analysed descriptively and arranged thematically. The study's findings are supposed to produce minimum and maximum rate guidance for fulfilling people's basic necessities (*ad-dharuriyyah*) in line with the conceptual framework in the Maqasid Syariah, namely religion, life, reason, lineage/dignity, and property. This study is anticipated to be one of the references used by authorities to enhance the refugee management system in Malaysia in general and in Sabah particularly, in order to protect the group's basic rights.

**Keywords:** Filipino refugees, management, Maqasid Syariah, human rights, Sabah.

## Pendahuluan

Isu pelarian merupakan salah satu isu yang tidak pernah selesai dan dihadapi oleh banyak negara di dunia. Malaysia tidak terlepas dari menjadi negara destinasi kepada pelarian. Begitu juga negeri Sabah yang menjadi negeri destinasi kepada pelarian yang berasal dari Selatan Filipina. Bagaimanapun, tidak semua rakyat dari Selatan Filipina yang masuk ke Sabah dikategorikan sebagai pelarian. Kemasukan rakyat Filipina ke Sabah tanpa dokumen, yang memegang sah kategori pelarian hanyalah mereka yang masuk ke Sabah bermula tahun 1972 sehingga tahun 1985. Status pelarian ini ditentukan melalui pemilikan salah satu daripada tiga jenis dokumen pengenalan diri yang diberikan iaitu IMM13, Resit Pengenalan Sementara (juga dikenali sebagai Kad Burung-Burung) ataupun Sijil Banci (Norali, 2023). Sebagai sebuah negara yang tidak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967, kerajaan Malaysia tidak memberikan pengiktirafan secara sah kepada golongan pelarian. Pelarian hanya diterima masuk ke dalam negara atas dasar perikemanusiaan (Berita Harian, 2019). Oleh itu, Malaysia tidak mempunyai rangka kerja perundangan ataupun pengurusan yang mengawal status dan hak golongan pelarian secara khusus.

Ketiadaan rangka perundangan yang khusus menyebabkan golongan pelarian tidak mempunyai jaminan terhadap hak-hak asasi manusia. Kehidupan tanpa jaminan hak asasi menjadikan banyak halangan dan keterhadan akses yang perlu dihadapi oleh mereka seperti akses kepada pendidikan dan pekerjaan (Mohd Nazri, 2022); budaya, sosial, penjagaan kesihatan dan halangan bahasa (Balqis *et.al.*, 2022). Keadaan ini memperlihatkan bahawa kemelut pelarian mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan hak-hak asasi dan keperluan asas manusia yang perlu dimiliki oleh setiap individu. Hal yang berkaitan dengan keperluan asas manusia ini

mempunyai kedudukan yang signifikan dalam perbahasan Maqasid Syariah. Maqasid Syariah merupakan salah satu pendekatan dalam pengajian hukum Islam yang bertujuan untuk memahami pelbagai fenomena sosial dalam masyarakat dengan meletakkan prinsip kemaslahatan sebagai rujukan dan panduan yang utama dalam penetapan hukum (Rohmad Adi, 2019). Sebagai sebuah perundangan yang Islam yang menggalakkan nilai-nilai universal, Maqasid Syariah dilihat lebih mampu bertindak balas terhadap isu semasa kemanusiaan (Jamaluddin, 2003).

Apabila Malaysia telah membuka pintu sempadan kepada golongan pelarian, maka secara tidak langsung telah menjadi tanggungjawab sosial pihak kerajaan untuk memberikan segala keperluan asas dan perlindungan kepada golongan pelarian. Keperluan asas yang dimaksudkan termasuklah tempat tinggal, akses kepada kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan untuk meneruskan kelangsungan hidup dan banyak lagi. Merujuk kepada perbincangan keperluan asas manusia dalam Maqasid Syariah yang terletak di bawah konsep keutamaan (*ad-dharuriyyah*), al-Raisuni (2010) menyatakan bahawa pemeliharaan keperluan tersebut meliputi 5 aspek iaitu agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Apabila melihat konteks pelarian yang mencari perlindungan dan keamanan dalam perspektif Islam, agama Islam amat mengalu-alukan kepada umatnya untuk membantu dan memberi perlindungan kepada individu yang memerlukan perlindungan dan orang yang berhijrah. Orang-orang yang memberikan perlindungan ini disifatkan sebagai orang yang beriman, sebagaimana yang telah termaktub di dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَا جُرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آتُوا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا  
 هُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam), dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang yang berhijrah itu), mereka lah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya iman. Mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia.*

(Al-Quran, 8:74)

Ayat al-Quran di atas merupakan ayat yang berkaitan dengan peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan umat Islam dari Makkah ke Madinah dan menunjukkan terdapat gesaan untuk memberikan perlindungan kepada orang-orang berhijrah (*Muhajirin*) dan memerlukan bantuan perlindungan. Penghijrahan Rasulullah SAW dan umat Islam tidak sesuai untuk dikatakan atau dilabelkan sebagai pelarian. Peristiwa hijrah tersebut hanyalah dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi penetapan hukum-hukum pelarian serta isu-isu yang berkaitan dengan pelarian. Oleh kerana isu ini melibatkan hal kemanusiaan, tidak ada satu pun agama di dunia yang dapat menafikan keperluan untuk memberikan pertolongan dan perlindungan kepada mereka.

Jika dalam Undang-Undang Antarabangsa terdapat peruntukan khas yang diwujudkan melalui Konvensyen Pelarian 1951 dan prinsip *Non-Refoulement* (prinsip yang melindungi orang pelarian atau pencari suaka diusir ke negara asal mereka di mana nyawa dan keselamatan mereka mungkin terancam) berkaitan dengan orang pelarian, Islam dilihat lebih ke hadapan dalam memperlakukan dan memberi peruntukan bagi orang pelarian sejak lebih daripada 14 abad yang silam (Mualimin *et.al*, 2021). Hal ini dapat dibuktikan menerusi ajaran yang dibawakan al-Quran dan as-Sunnah serta sirah-sirah Rasulullah SAW yang dijadikan sebagai

contoh dan rujukan dalam penetapan hukum terhadap isu pelarian. Orang-orang pelarian ini juga adalah manusia yang perlu ditegakkan hak dan keperluan asas kehidupan mereka atas dasar perikemanusiaan sesama manusia.

### Permasalahan Kajian

Isu pelarian telah menimbulkan pelbagai konotasi negatif kepada segenap masyarakat. Umpamanya, seorang ketua Beliawanis MCA yang telah melabel kanak-kanak pelarian sebagai provokatif, sompong dan tidak mengenang budi. Laporan berita ini telah tular pada Januari 2022. Kenyataan tersebut telah dikeluarkan sebagai tindak balas beliau terhadap video yang tular di media sosial menunjukkan kanak-kanak yang dipercayai sebagai pelarian mengetuk pintu kereta untuk mengemis wang. Beliau turut menyatakan bahawa kanak-kanak tersebut telah melakukan hal sedemikian meskipun telah menerima layanan yang baik daripada rakyat Malaysia dan menggesa agar pihak kerajaan bertindak lebih tegas (Martin, 2022). Tindakan seperti ini tidak wajar dilakukan kerana perkara tersebut boleh menyemarakkan sentimen xenophobia atau naratif bahawa pelarian sebagai individu yang agresif dan provokatif. Tidak seharusnya pelarian dilabelkan dengan hal-hal sedemikian berdasarkan tindakan segelintir anak kecil yang terpaksa mengemis di jalan-jalan sedangkan, mereka bukanlah golongan kanak-kanak yang mendapat akses penuh kepada pendidikan secara formal.

Sekiranya terdapat pihak yang bertindak tegas terhadap kanak-kanak ini pastinya akan mengeruhkan lagi keadaan dengan memberikan kesan buruk terhadap pelarian dan melanggar nilai kemanusiaan dalam mengurus orang-orang yang mencari suaka akibat lari daripada konflik keamanan yang berlaku di tempat mereka. Oleh itu, hal ini memerlukan kepada penyelesaian secara baik dan lebih holistik berdasarkan kepada analisis secara menyeluruh terhadap keadaan dan situasi sebenar yang dihadapi oleh golongan pelarian. Bagaimanapun, belum ada pihak yang memberikan penjelasan khusus tentang realiti kehidupan pelarian di Sabah yang menyentuh segenap aspek kehidupan dari semasa ke semasa ataupun desakan kehidupan yang melanda golongan pelarian sehingga mereka terpaksa bertindak sedemikian dengan mengemis kepada masyarakat tempatan. Laporan-laporan dan berita terkini hanya mengetengahkan isu pendataan semula (Bernama, 2022; Sabah Media, 2022; Johnny, 2022) dan kaji semula dasar tentang pelarian (Amirrul, 2022; Firdaus, 2022; Shaiful Shahrin, 2022). Justeru, apakah realiti keadaan semasa kehidupan pelarian di Sabah?

Malaysia memerlukan kepada satu bentuk rangka kerja perundangan khusus yang dirangka bagi mengurus golongan pelarian apabila menerima kemasukan mereka meskipun hanya atas dasar perikemanusiaan. Hal ini menimbulkan persoalan apabila Malaysia yang tidak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 tetapi menerima kemasukan pelarian. Pastinya pengurusan yang dilakukan tidak sepenuhnya menepati piawaian konvensyen tersebut. Kajian daripada Catherine (2020); Jassica Jane & Fauziah (2020); Daron Benjamin & Linda (2022) telah membuktikan bahawa masih berlaku situasi di mana pelarian termasuk dalam kategori masyarakat yang terpinggir. Hal ini mengakibatkan mereka sukar untuk mendapatkan hak dan perlindungan mereka yang sepatutnya berdasarkan kepada hak-hak dan keperluan asas manusia seperti yang tertera dalam Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Oleh itu, apakah bentuk pengurusan semasa pelarian yang sedia ada di Malaysia? Adakah pengurusan pelarian yang sedia ada menjaga hak-hak asasi manusia?

Bantuan kepada orang berhijrah yang memohon perlindungan dan keamanan adalah sebahagian daripada kepentingan dan faedah manusia dalam matlamat syariah kepada manusia iaitu menjaga kemaslahatan dan menolak sebarang bentuk kemudaratian. Konsep ini jugalah yang

terpakai bagi golongan yang memegang status pelarian untuk memastikan hak-hak asasi mereka terbela. Dalam Islam, hak-hak asasi utama manusia adalah berdasarkan kepada konsep keutamaan dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Islam amat menitikberatkan perlindungan dalam kehidupan tiap individu dengan menjaga setiap perkara yang menjadi sandaran kehidupannya (Al-Mursi, 2009). Hal ini memerlukan kepada kefahaman dan memenuhi tuntutan Maqasid Syariah agar tidak berlaku kesalahan penentuan hukum dan kesalahan mendahuluikan sesuatu perkara yang sepatutnya (Bahagian Komunikasi Korporat MAIS, 2022) dalam usaha menjaga hak dan perlindungan golongan pelarian di samping mengambil kira jaminan keselamatan dan kedaulatan negara. Oleh itu, perlu diteliti adakah pengurusan semasa pelarian di Sabah selari dengan syariat Islam iaitu Maqasid Syariah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa kerajaan Malaysia perlu bertindak melakukan reformasi kepada polisi dan perundangan yang mengawal selia pelarian secara khusus untuk mewujudkan sebuah ekosistem pengurusan yang lebih cekap. Golongan pelarian di Sabah dilihat sebagai masyarakat yang terpinggir rentetan kesukaran yang dihadapi terhadap akses kepada pendidikan (agama atau umum), kesihatan, pekerjaan dan sebagainya. Akhir sekali, tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak berautoriti dalam mengurus golongan pelarian di Sabah perlu dinilai sama ada ia menepati penjagaan terhadap kelima-lima aspek keutamaan Maqasid Syariah ataupun tidak. Oleh itu, kertas kerja ini mencadangkan agar kajian berkaitan pengurusan pelarian di Sabah dilakukan menurut perspektif Maqasid Syariah agar dapat menyediakan satu analisis panduan kadar minima dan kadar maksimum dalam menjaga keperluan utama (*ad-dharuriyyah*) manusia sejajar di bawah kerangka konsep dalam Maqasid Syariah.

### Cadangan Persoalan Kajian

- 1) Apakah keadaan semasa kehidupan pelarian di Sabah dari aspek sosial dan ekonomi?
- 2) Apakah pengurusan semasa pelarian di Sabah dari aspek sosial dan ekonomi?
- 3) Bagaimanakah pengurusan semasa pelarian di Sabah bagi aspek sosial dan ekonomi dari perspektif Maqasid Syariah?

### Cadangan Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti keadaan semasa kehidupan pelarian di Sabah dari aspek sosial dan ekonomi.
- 2) Menjelaskan pengurusan semasa pelarian di Sabah dari aspek sosial dan ekonomi.
- 3) Menganalisis pengurusan pelarian di Sabah bagi aspek sosial dan ekonomi dari perspektif Maqasid Syariah.

### Cadangan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang akan menggunakan kajian eksploratori sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini dicadangkan untuk dilaksanakan menggunakan dua pendekatan sebagai kaedah kajian iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan kerana bersesuaian dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian-kajian lepas seperti Badariah (2018); Mazura (2018); Azlinariah (2019); Zulfaqar & Rodziana (2020); Aida & Napisah (2021); Khairunnisah *et.al* (2021); Kanageswary *et.al* (2022); Mohd Nur Hidayat Hasbollah *et.al* (2023) telah membuktikan bahawa kaedah kajian ini sesuai dengan fokus kajian yang dicadangkan dan berjaya mencapai objektif kajian.

### Kajian kepustakaan

Bagi metode kajian ini, instrumen kajian yang dicadangkan adalah analisis kandungan. Data dan maklumat akan diperoleh melalui bahan bertulis bercetak dan digital seperti buku, tesis, jurnal, kitab, dokumen dan laporan rasmi badan kerajaan dan bukan kerajaan, persidangan, prosiding, kertas kerja seminar dan sebagainya. Selain itu, bahan-bahan yang berbentuk video dokumentari, video penyelidikan, audio, laporan berita dan seumpamanya yang boleh diakses melalui internet turut dijadikan sebagai sumber data dan maklumat sejajar dengan kecanggihan zaman moden. Antara data dan maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Latar belakang pelarian di Sabah
- ii. Realiti kehidupan pelarian di Sabah
- iii. Cabaran kehidupan pelarian di Sabah
- iv. Perbahasan Maqasid Syariah
- v. Kajian-kajian lepas berkaitan pelarian dari perspektif Islam
- vi. Dan lain-lain yang berkaitan

### Kajian lapangan

Bagi metode kajian ini, instrumen kajian yang dicadangkan adalah temu bual mendalam separa berstruktur dan pemerhatian. Temu bual akan dijalankan secara bersemuka dengan informan kajian yang telah dipilih secara individu. Informan yang ditemu bual adalah mereka yang mempunyai kredibiliti, kepakaran dan autoriti untuk memberikan maklumat yang diperlukan. Informan yang akan ditemu bual adalah wakil daripada pihak-pihak berikut:

- i. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- ii. Hal Ehwal Dalam Negeri & Penyelidikan Sabah (HEDNP)
- iii. Mufti Sabah
- iv. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
- v. Bahagian Zakat & Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)
- vi. Penggerusi JKKMP Skim Penempatan Pelarian di lima (5) buah Skim Penempatan Pelarian di Sabah yang telah digazetkan iaitu Skim Penempatan Kinarut di Papar, Skim Penempatan Telipok di Kota Kinabalu, Skim Penempatan Kg. Bahagia di Sandakan, Skim Penempatan Kg. Selamat di Semporna dan Skim Penempatan Kg. Hidayat di Tawau.
- vii. Ketua-ketua keluarga pelarian di setiap Skim Penempatan Pelarian.

Bagi metode pemerhatian pula, pemerhatian yang akan dijalankan adalah berbentuk pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan. Pemerhatian yang dicadangkan untuk diberikan tumpuan adalah perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Skim-Skim Penempatan Pelarian dalam aspek penjagaan:

- i. Agama: melibatkan aktiviti keagamaan seperti mengimarahkan rumah ibadah (masjid/surau) dan inisiatif ibu bapa dalam keluarga untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak.
- ii. Nyawa: merangkumi aspek kesihatan dan keselamatan.
- iii. Akal: merangkumi aspek yang berkaitan dengan pendidikan dan kesihatan mental.
- iv. Keturunan: merangkumi aspek perkahwinan (sistem dan pengurusan), pemeliharaan keluarga (maruah), keadaan sosial sama ada berlaku permasalahan atau tidak dan isu-isu diskriminasi (layanan yang tidak adil atau menjatuhkan maruah sebagai manusia).
- v. Harta: merangkumi aspek pemeliharaan ekonomi (pekerjaan yang mampu menyumbang kepada pendapatan, bantuan kewangan seperti zakat dan banyak lagi).

## Sorotan Literatur

### Pengurusan Semasa Pelarian di Sabah

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan dalam tempoh lima tahun terakhir ini, kajian-kajian pelarian yang dijalankan di Sabah lebih tertumpu kepada golongan kanak-kanak pelarian. Kajian-kajian yang dijalankan mengetengahkan isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan, keterpinggiran kanak-kanak yang tidak berdokumen melibatkan hal-hal seperti pendidikan, akses kepada pendaftaran kelahiran dan kesihatan (Badariah, 2018; Catherine, 2018; Vincent *et.al*, 2019; Catherine, 2020; Jassica Jane & Fauziah, 2020; Amanda & Mary Anne, 2021; Mansumi & Karin, 2021; Daron Benjamin & Linda, 2022; Rodziana *et.al*, 2022). Bagaimanapun, pengkaji akan membahaskan kajian-kajian lepas pelarian di Sabah berdasarkan kepada dua aspek utama iaitu sosial dan ekonomi. Dua aspek dalam kehidupan ini merujuk kepada prinsip keutamaan dalam maqasid syariah yang menyentuh terhadap penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang mana telah merangkumi aspek dalam kehidupan manusia secara menyeluruh. Bagi perbahasan berkaitan aspek agama akan disentuh secara khusus dan lebih spesifik oleh pengkaji pada bahagian pengurusan semasa pelarian di Sabah dari perspektif Maqasid Syariah.

Bagi aspek pendidikan, Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia 1948 (OHCHR, t.th) telah menyatakan bahawa kanak-kanak wajib mendapatkan pendidikan tanpa mengira latar belakang setiap daripada mereka. Namun, pemberian pendidikan dalam sesebuah negara sebenarnya bergantung kepada perundangan dalam negara tersebut (Badariah, 2018). Jika merujuk kepada konteks pendidikan di Malaysia, pemberian pendidikan kepada rakyat Malaysia merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menekankan bahawa hak pendidikan hanya diberikan kepada individu yang memiliki dokumen sah pengenalan diri berstatus warganegara dan pendaftaran murid dilakukan memerlukan kepada butiran-butiran mengenai semua murid yang telah ditetapkan. Hal ini bermaksud, individu yang tidak memegang status sebagai warganegara Malaysia yang sah ataupun mengalami isu pemilikan dokumen pengenalan diri tidak mempunyai akses terhadap pendidikan formal atau pendidikan kebangsaan. Tambahan pula, Malaysia merupakan sebuah negara yang tidak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Keadaan inilah yang membawa kepada kewujudan ramai kanak-kanak yang tercincir daripada mendapatkan pendidikan terutama sekali kanak-kanak dalam kalangan pelarian kerana mereka tidak mendapat jaminan terhadap akses kepada pendidikan kebangsaan.

Walau bagaimanapun, golongan kanak-kanak yang tidak mendapat akses terhadap pendidikan kebangsaan ini mempunyai inisiatif lain untuk mendapatkan pendidikan lain selain pendidikan kebangsaan iaitu melalui pendidikan alternatif yang ditawarkan di Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA). Pendidikan Alternatif merupakan pendidikan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2010 sebagai penyelesaian kepada kanak-kanak yang tidak layak menerima pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kerajaan. Bagaimanapun, pusat-pusat pembelajaran alternatif (PPA) ini tidak dibiayai oleh pihak kerajaan. Sebaliknya ia mendapat biaya dan pelaksanaan operasi oleh pihak NGO. KPM hanya menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa (Badariah, 2018).

PPA menggunakan kurikulum di peringkat Sekolah Rendah seperti pendidikan asas untuk 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Selain itu, kanak-kanak di PPA juga diberikan asas-asas pendidikan Islam (fardhu ain dan fardhu kifayah) serta kemahiran hidup (Unicef, 2015; UNDP, 2015). Kurikulum yang digunakan di PPA diuraikan melalui kajian yang dijalankan oleh Afifah & Badariah (2022) yang bertajuk Kurikulum di Pusat Pembelajaran Alternatif: Kajian

Kes di Pulau Mabul, Sabah. Penulisan sederhana berbentuk kajian kes ini berjaya memberikan gambaran keseluruhan dengan penjelasan terperinci berkaitan kurikulum yang digunakan di setiap lima buah PPA yang terdapat di Pulau Mabul. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa kurikulum di PPA menggunakan subjek kurikulum kebangsaan (kurikulum sekolah rendah) seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Seni, Kemahiran Hidup dan Pendidikan Islam/Moral. Namun, silibus bagi setiap mata pelajaran disediakan oleh tenaga pengajar sendiri berdasarkan kesesuaian dan keperluan dalam kalangan pelarian dengan merujuk kepada buku-buku pendidikan yang terdapat di Malaysia. Perkara yang menjadi fokus utama para tenaga pengajar di setiap PPA ini adalah mengasah kebolehan kanak-kanak ini untuk membantu mereka menjalani kehidupan sehari-hari.

Melihat keadaan semasa golongan pelarian yang tidak mampu beradaptasi dengan keadaan, budaya dan masyarakat tempatan, Badariah (2018) menampilkan pendidikan yang diperoleh kanak-kanak pelarian di PPA sebagai wadah untuk keterangkuman sosial. Badariah (2018) melakukan penelitian terhadap falsafah ‘pendidikan untuk semua’ dalam konteks pendidikan untuk keterangkuman sosial melalui tiga dimensi iaitu sumber, keupayaan dan peluang. Sumber yang dimaksudkan oleh beliau ialah kemahiran dan aset yang dimiliki oleh seseorang sementara, keupayaan adalah kebolehan individu untuk menggunakan sumber dan peluang yang ada. Peluang pula adalah persekitaran yang membolehkan individu menggunakan keupayaan dan sumber untuk mencapai hasil yang diinginkan. Namun begitu, hasil kajian beliau mendapati bahawa PPA di Pulau Mabul tidak berjaya dalam melibatkan kanak-kanak yang tiada kerakyatan atau kewarganegaraan ke dalam keterangkuman sosial. Punca kepada kegagalan tersebut ialah kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA tidak dapat diupayakan dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk menjadikan mereka sebagai sumber manusia dan menjadi penyumbang kepada keterangkuman sosial yang seterusnya. Bagaimanapun, beliau mengutarakan pendapat di akhir penulisan beliau sekiranya PPA diberikan bantuan, perhatian dan kerjasama daripada pelbagai pihak yang berautoriti, PPA pastinya dapat diperkasakan dan mencapai peranan PPA sebagai wadah keterangkuman sosial. Penulisan Badariah ini merupakan sebuah kajian yang baik dan teliti dengan berpandukan kepada fakta yang jelas. Beliau berjaya merungkai perkaitan di antara status kewarganegaraan terhadap kebolehcapaian pendidikan dan bagaimana kebolehcapaian pendidikan diimplementasikan sebagai medium yang membawa kepada keterangkuman sosial. Bagaimanapun, kajian Badariah ini hanya menyentuh kepada dua aspek dalam kehidupan pelarian iaitu aspek pendidikan dan aspek sosial. Berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji, di mana pengkaji akan menjalankan kajian yang menyentuh segenap aspek realiti kehidupan pelarian iaitu meliputi aspek agama, kesihatan, pendidikan, sosial dan ekonomi.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Sitti Rima (2019) bertajuk Sejarah Populasi Sabah: Impak terhadap Sosioekonomi, 1960-an Hingga 2000-an. Kajian ini membahaskan berkaitan peningkatan populasi penduduk di Sabah yang berlaku secara mendadak. Sitti Rima menjelaskan bahawa salah satu kumpulan yang menjadi penyumbang kepada pertambahan populasi penduduk di Sabah adalah rakyat Filipina dari Selatan Filipina yang berhijrah ke Sabah atas sebab konflik politik yang berlaku di negara mereka. Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa pertambahan populasi ini memberikan impak terhadap sosioekonomi di mana negeri Sabah mengalami pertambahan dan peningkatan jumlah tenaga buruh sepanjang tahun 1960 sehingga tahun 2000-an. Sektor pekerjaan tidak formal ini merupakan pekerjaan yang dilakukan oleh golongan pelarian Filipina sebagai sumber pendapatan utama bagi menampung keperluan harian untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Namun begitu, lebihan populasi yang terdapat di Sabah juga telah meninggalkan kesan buruk iaitu

pertambahan angka kemiskinan dan peningkatan kadar jenayah di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjadikan pendekatan ilmu sains sosial yang lain seperti sosiologi, antropologi, sains politik dan ekonomi sebagai ilmu bantu. Walau bagaimanapun, kajian bersifat pencegarahan ini memerlukan penyusunan isi kajian yang lebih teratur dan sistematis untuk memudahkan kefahaman pembaca.

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan, belum ada kajian yang membahaskan realiti kehidupan pelarian di Sabah yang menyentuh segenap aspek dalam kehidupan. Aspek-aspek tersebut antaranya ialah amalan keagamaan kesihatan, pendidikan, sosial dan pemeliharaan ekonomi. Justeru, kelompongan ini perlu diisi bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat luar dan pihak-pihak yang terlibat agar lebih cakna terhadap realiti semasa kehidupan golongan pelarian. Hak dan keperluan asas mereka perlu diberikan dan ditegakkan melihatkan kepada situasi mereka yang memerlukan pertolongan serta perlindungan agar kelangsungan hidup mereka terjamin. Perbezaan kajian ini dan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan adalah mengkaji aspek pengurusan pelarian yang sedia ada di Sabah dari sudut pandang Islam yang mana memberikan penekanan terhadap keperluan dan kepentingan manusia bagi mengelakkan daripada sebarang kemudarat yang boleh membahayakan diri seseorang Muslim. Hal ini tidak terdapat dalam mana-mana perbincangan kajian di atas.

### **Pengurusan Semasa Pelarian di Sabah dari Perspektif Maqasid Syariah**

Menerusi pembacaan terhadap kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan pelarian dari perspektif Islam. Isu yang menjadi tumpuan ramai dalam kalangan penyelidik adalah isu pendidikan agama/Islam. Isu ini menjurus kepada akses yang terhad terhadap pendidikan Islam kerana wujudnyakekangan perkembangan pendidikan Islam dalam kalangan pelarian di Sabah. Kekangan utama yang telah diketengahkan untuk mendapat akses kepada pendidikan adalah masalah ketiadaan dokumen yang sah. Keadaan kehidupan mereka yang miskin dan tidak memungkinkan mereka untuk masuk ke sekolah-sekolah kerajaan menyebabkan mereka mengalami keciciran pendidikan sejak kecil. Walau bagaimanapun, beberapa usaha telah dilakukan untuk menangani isu ini iaitu kemasukan pihak luar seperti ustaz dan jemaah tabligh ke kawasan penempatan pelarian untuk menyampaikan dakwah dan memberikan pendidikan meskipun ianya jarang sekali berlaku. Pihak kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga telah menubuhkan sekolah-sekolah sebagai Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) di setiap skim penempatan pelarian seluruh Sabah (Mohd Nur Hidayat Hasbollah *et.al*, 2018).

Seterusnya, kemasukan pelarian Filipina ke Sabah yang majoritinya terdiri daripada penganut agama Islam telah memberikan impak yang besar kepada agama dan politik di Sabah. Migrasi pelarian Filipina ini secara tidak langsung telah meningkatkan jumlah komuniti penduduk Muslim di Sabah (Ibnor *et.al*, 2019) yang mana telah memberikan ancaman agama tanpa disedari banyak pihak. Ancaman agama ini sebenarnya hanya dirasakan oleh penduduk dan para pemimpin politik yang bukan beragama Islam (Suhaili & Kamarulnizam, 2018; Ramli, 2018). Peningkatan jumlah penduduk Islam di Sabah dijangkakan akan menghakis kekuasaan politik bumiputera bukan Islam. Penyokong Parti Bersatu Sabah yang beragama Kristian menafsirkan kemasukan pelarian Filipina beramai-ramai ke Sabah sebagai strategi politik Islam dari Kerajaan USNO dan Berjaya untuk mengekalkan kekuasaan politik di Sabah (Badariah, 2018).

Selain itu, kajian pelarian berkaitan perkahwinan, perbandingan antara undang-undang adat antarabangsa dan Islam serta pendekatan Maqasid Syariah juga merupakan kajian pelarian dari

perspektif Islam tetapi kajian ini adalah kajian yang bukan dijalankan di Sabah. Kajian Awalan Pendekatan Maqasid Syariah Sebagai Alternatif dalam Dasar dan Perundangan Berkaitan Pelarian di Malaysia telah dijalankan oleh Zulfaqar *et.al* (2020). Objektif kajian ini adalah mengkaji sejarah kedatangan pelarian dan pencari suaka ke Malaysia dan perkembangan perundangan yang mengatur pergerakan mereka. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak krisis berkaitan pelarian yang bukan sahaja memberi kesan secara individu tetapi juga memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Bagi memastikan Malaysia tidak akan menghadapi sebarang masalah untuk menerima pelarian pada masa akan datang, pihak kerajaan bertanggungjawab untuk mengenal pasti dasar atau undang-undang berkaitan pelarian yang jelas dan tepat serta tahap pengamalan dasar atau undang-undang mengikut Maqasid Syariah.

Kajian ini merupakan kajian yang hampir dengan cadangan kertas kerja. Bagaimanapun, kertas kerja ini mencadangkan untuk menjalankan kajian dengan skop yang lebih besar iaitu mengkaji pengurusan pelarian dari perspektif Maqasid Syariah yang merangkumi aspek agama (keimanan kepada Allah SWT, kepercayaan atau amalan yang bertentangan dengan syariat Islam), nyawa (meliputi aspek kesihatan dan keselamatan), akal (berkaitan dengan pendidikan dan kesihatan mental), keturunan (perkahwinan, pemeliharaan keluarga, keadaan sosial dan isu-isu diskriminasi) dan harta (pemeliharaan ekonomi) serta berfokus di negeri Sabah.

Kajian yang dibuat oleh Mualimin *et.al* (2021) bertajuk Melindungi Orang Pelarian: Kajian Perbandingan antara Undang-Undang Adat Antarabangsa dan Islam. Objektif kajian adalah mengkaji perbandingan di antara Undang-Undang Adat Antarabangsa dan Islam dalam mengurus pelarian dan statusnya. Metodologi kajian adalah kaedah analisa dan perbandingan menggunakan data dan kajian kepustakaan. Hasil kajian yang berjaya diperoleh menunjukkan bahawa Islam melihat perlindungan kepada manusia sebagai satu hak asasi yang tidak boleh dinafikan. Ajaran yang dibawakan agama Islam berkaitan status dan hak orang pelarian jelas selari dengan undang-undang antarabangsa yang telah diperuntukkan. Kajian ini juga merupakan kajian yang hampir dengan cadangan kajian. Selain memfokuskan kepada perbahasan pengurusan, cadangan kertas kerja adalah untuk melakukan analisis pengurusan pelarian sedia ada dari perspektif Maqasid Syariah yang mana tidak dibincangkan dalam kajian yang dijalankan oleh Mualimin *et.al* (2021) ini.

Isu perkahwinan dalam kalangan masyarakat Rohingya telah diketengahkan oleh Zulfaqar *et.al* (2020) dan Khairunnisah *et.al* (2021). Golongan pelarian di Malaysia menghadapi masalah kekurangan kerangka dasar dan peraturan yang diperuntukkan bagi mengurus tadbir institusi perkahwinan. Kesukaran mendaftarkan perkahwinan golongan pelarian ini memberikan kesan perundangan dan sosial, ketidakpatuhan terhadap hukum syariah, perlindungan nasab serta kesulitan penempatan semula pelarian. Oleh itu, perkahwinan dalam kalangan pelarian perlu didaftarkan di bawah undang-undang bagi menjamin kesahan sesebuah perkahwinan dan nasab selari dengan Maqasid Syariah. Sama seperti kajian-kajian di atas, kajian ini juga merupakan kajian yang hampir dengan cadangan kajian. Namun, kertas kerja mencadangkan untuk menjalankan kajian dengan fokus skop yang lebih besar iaitu pengurusan pelarian dari perspektif Maqasid Syariah.

Akhir sekali, terdapat sebuah kajian tinjauan awal perkhidmatan kesihatan terhadap pelarian dari perspektif Maqasid Syariah yang telah dijalankan di Sabah oleh Mohd Nur Hidayat Hasbollah *et.al* (2023). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti praktis perkhidmatan kesihatan semasa terhadap golongan pelarian

dan membahasnya dari perspektif Maqasid Syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkhidmatan kesihatan semasa terhadap pelarian di Sabah belum dapat memenuhi 5 elemen keperluan utama manusia secara seimbang mengikut kerangka Maqasid Syariah. Kajian ini adalah kajian yang paling hampir dengan cadangan kertas kerja. Namun, kertas kerja ini mencadangkan untuk menjalankan kajian dengan skop yang lebih besar iaitu meganalisis pengurusan pelarian secara menyeluruh dari perspektif Maqasid Syariah dengan menyentuh keperluan utama survival manusia iaitu aspek sosial (agama, kesihatan & keselamatan, pendidikan, kebajikan) dan ekonomi.

Apabila diteliti kajian-kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa cadangan kertas kerja ini berbeza dengan kajian-kajian yang telah dijalankan. Meskipun kajian-kajian di atas membahaskan tentang pengurusan orang-orang pelarian dari perspektif Islam dan terdapat dua buah kajian yang menggunakan kerangka Maqasid Syariah oleh Zulfaqar *et.al* (2020) dan Mohd Nur Hidayat Hasbollah *et.al* (2023), namun kajian tersebut hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja dalam sistem pengurusan pelarian iaitu berkaitan dengan perkahwinan dan kesihatan. Kajian-kajian ini tidak menggunakan kerangka Maqasid Syariah yang lebih komprehensif sebagai garis panduan dalam membincangkan keseluruhan aspek yang merujuk kepada lima perkara konsep keutamaan pada Maqasid Syariah iaitu sosial (agama, kesihatan, pendidikan, sosial) dan ekonomi. Justeru, kelompongan ini perlu diisi bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat luar dan pihak-pihak yang terlibat agar lebih cakna terhadap realiti kehidupan golongan pelarian.

### Jangkaan Dapatan Kajian

Cadangan pengurusan pelarian di Sabah dari perspektif Maqasid Syariah akan menghasilkan sebuah panduan kepada pihak berautoriti untuk melakukan penambahbaikan dalam sistem pengurusan pelarian di Malaysia umumnya dan di Sabah khususnya. Cadangan ini dijangkakan akan membangun kayu ukur bagi kadar minima dan kadar maksimum dalam menjaga keperluan utama (*ad-dharuriyyah*) manusia sejajar dengan kerangka konsep dalam Maqasid Syariah. Kerangka Maqasid Syariah meletakkan penjagaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan/maruah dan harta sebagai keperluan utama setiap manusia yang mana telah mencakupi semua aspek dalam kehidupan dari aspek sosial dan ekonomi. Dengan itu, tuntutan hak-hak asasi golongan pelarian dapat dibela untuk memastikan kelangsungan hidup mereka.

### Kesimpulan

Keberadaan pelarian di Sabah sudah melebihi lima dekad namun sehingga kini, masih belum ada satu kerangka dasar dan peraturan yang diperuntukkan bagi mengurus golongan pelarian secara khusus. Tidak menjadi negara ahli Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 tidak menghalang negara Malaysia daripada melindungi kesejahteraan pelarian dan pencari suaka di Malaysia. Pendekatan yang dilihat menggalakkan nilai-nilai universal dalam menyelesaikan fenomena sosial dalam masyarakat adalah pendekatan Maqasid Syariah kerana bersifat lebih komprehensif dalam menjaga hak dan keperluan manusia. Dengan adanya cadangan pengurusan pelarian di Sabah dari perspektif Maqasid Syariah ini, ia dijangkakan dapat menjadi salah satu rujukan kepada pihak berautoriti untuk melakukan penambahbaikan dalam sistem pengurusan pelarian di Malaysia umumnya dan Sabah khususnya agar hak-hak asasi golongan tersebut dibela.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Afifah Gamiring@Hajinin & Badariah Saibeh. (2022). Kurikulum di Pusat Pembelajaran Alternatif: Kajian Kes di Pulau Mabul Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 7(48), 411-433.
- Ahmad Al-Mursi Husain Jauhar. (2009). *Maqasid al-Syariah fi al-Islam* (1 ed.). (K. (Kuwais), Trans.) Jakarta: AMZAH.
- Ahmad al-Raysuni. (2010). *Madkhal Ila Maqasid al-Syari'ah*. al-Qahirah: Dar al-Kalimah.
- Aida Zahirah Samsudin & Napisah Karimah Ismail. (2021). Pendidikan Kanak-Kanak Muslim Rohingya: Kajian Kes di Rohingya Skills and Excellence (RISE), Kajang, Selangor. *Sains Insani*, 6(3), 67-76.
- Amanda R. Cheong & Mary Anne K. Baltazar. (2021). Too Precarious to Walk: an Integrated "Three Delays" Framework For Modeling Barriers to Maternal Health Care and Birth Registration Among Stateless Persons and Irregular Migrants in Malaysia. 77(18), 1-26.
- Amirul Rabbani. (23 April, 2022). *Kerajaan Kaji Semula Pemberian Pemegang Kad UNHCR kepada Pelarian etnik Rohingya - Hamzah*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-kaji-semula-pemberian-pemegang-kad-unhcr-kepada-pelarian-etnik-rohingya-hamzah-358225>
- Atika Shafinaz Nazri & Nidzam Sulaiman. (2020). Partisipasi NGO dalam Bantuan Kemanusiaan Terhadap Pelarian di Malaysia dan Sumbangannya ke Arah Penyatupaduan Masyarakat. *Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 214-245.
- Azlinariah Abdullah. (2019). The Myanmar Rohingyas: Challenges Faced By 'Refugee' Community in Malaysia, 2014-2016. (*Tesis Doktor Falsafah*) University of Malaya.
- Badariah binti Saibeh. (2018). Pendidikan Alternatif Sebagai Wadah Keterangkuman Sosial dalam Kalangan Penduduk yang Tiada Kewarganegaraan di Pulau Mabul . *Jurnal Kinabalu*, 177-206.
- Badariah binti Saibeh. (2018). Pendidikan untuk Keterangkuman Sosial: Status Kewarganegaraan dan Kebolehcapaian Pendidikan dalam Kalangan Penduduk di Pulau Mabul, Sabah. (*Tesis Doktor Falsafah*) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Komunikasi Korporat MAIS. (2022). *Maqasid Syariah*. Retrieved from Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor: <https://www.mais.gov.my/maqasid-syariah/>
- Balqis Aini Mustafa, Abdul Latiff Ahmad, Jamaluddin Aziz & Andika Ab. Wahab. (2022). Meneroka Cabaran dan Isu dalam Adaptasi Antarabudaya Populasi Orang Pelarian Serta Pencari Suaka di Negara Transir dan Penempatan Semula. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-13.
- Berita Harian. (22 September, 2019). *Negara Maju Wajar Bantu Kos Urus Pelarian - Muhyiddin*. Retrieved 23 Mac, 2023, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/609494/negara-maju-wajar-bantu-kos-urus-pelarian-muhyiddin>
- Bernama. (2 Oktober, 2022). *Pendataan Digital Selesai Masalah Pendatang Asing di Sabah, Kata Hajiji*. Retrieved from Free Malaysia Today: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/10/02/pendataan-digital-selesai-masalah-pendatang-asing-di-sabah-kata-hajiji/>
- Catherine Allerton. (2020). Invisible Children? Non-recognition, humanitarian blindness and other Forms of Ignorance in Sabah, Malaysia. *Critique of Anthropology*, 40(4), 455-470.
- D. B. Loo & Linda Lagason. (2022). Framing the Stateless Children in Sabah: An Examination Through Corpus Analysis. *International Journal of Asia Pacific Studies (IJAPS)*, 18(2), 201-226.
- Ibnor Azli Ibrahim, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Ezad Azraai Jamsari, Badlihisham

- Mohd Nasir & Mohd Hafiz Safiai. (2019). The Impact of Filipino Muslim Ethnic Migration into Sabah on ASEAN Integration. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(11), 369-372.
- Jamaluddin 'Athiyyah. (2003). Nahwa Taf'il Maqashid al-Syari'ah. *Dar al-Fikr*.
- Jassica Jane Mohd Afsur Khan & Fauziah Fathil. (2020). Stateless Filipino Children in Modern Day Sabah: Issues of Concern and Responses of the State Government. *IIUM Journal of Human Science*, 2(1), 55-63.
- Johnny Abi. (2 Oktober, 2022). *Pendataan Digital Selesaikan Masalah PTI di Sabah - KM Hajiji*. Retrieved from Sabah News: <https://sabahnews.com.my/pendataan-digital-selesaikan-masalah-pti-di-sabah/>
- Kanageswary Selvakumaran, Tie Fatt Hee & Jal Zabdi Mohd. Yusoff. (2022). The Need for A Legal Definition of Stateless Malaysian National Law and Policy: The Perspective From International Humans Right Law. *UUM Journal og Legal Studies*, 13(1), 348-380.
- Khairunnisah binti Sayed Ahmad Kabeer, Dina Imam Supaat & Farhana Mohamad Suhaimi. (2021). Pendaftaran Perkahwinan Pelarian Rohingya dan Perlindungan Nasab. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 13, 103-109.
- Majlis Keselamatan Negara. (7 Julai, 2021). *Dasar Keselamatan Negara 2021-2025*. Retrieved from <https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/DASAR-KESELAMATAN-NEGARA-2021-2025.pdf>
- Mansumi Abadi & Karin Selma Al-Kautsar. (2021). Murid yang Menunggu Penyatuan: Persepsi Murid Tanpa Negara (Stateless) dari Sekolah Alternatif Borneo Komrad Terhadap Aspek Kohesi Sosial di Semporna, Sabah. 1-17.
- Mazura Md Saman & Nor Hafizah Mohd Badrol Affandi. (2018). Honouring Primary Education for Stateless Children: Analysis of Malaysian Legal Perspective and Current Practice. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 3, 33-38.
- Media, S. (2 Oktober, 2022). *Pendataan Digital Selesai Masalah PTI di Sabah*. Retrieved from Sabah Media: <https://sabahmedia.com/2022/10/02/pendataan-digital-selesai-masalah-pti-di-sabah/>
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Nor Fariza Mohd Idris, Muhamad Asyraf Mansor & Nor Asiah Mohamad. (2018). Potensi Pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat Bagi Kanak-Kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri: Tinjauan Awal. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 15-21.
- Mohd Nazri Ibrahim. (2022). Terasing di Bumi Asing: Naratif Rintihan Warga Pelarian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 24(1), 109-118.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Mohd Nur Rachmat Izzuddin Hajimin & Mohd Nur Hidayah Firdaus Hajimin. (2018). Perkembangan Pendidikan Islam Pelarian di Skim Penempatan Telipok, Kota Kinabalu. *AL-HIKMAH*, 2, 1-9.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Syamsul Azizul Marinsah, Abang Mohd Razif Abang Muis, Ibnor Azli Ibrahim. (2023). Perkhidmatan Kesihatan Terhadap Pelarian di Sabah dari Perspektif Maqasid Syariah: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(32), 223-231.
- Mohd Ramlan Mohd Arshad. (2022). *Pendidikan untuk Pelarian Tidak Berkerakyatan (PTB)*. Retrieved from Buletin APB Edisi 8.
- Mualimin Mochammad Sahid, Baidar Mohammed Hasan & Noorfajri Ismail. (2021). Melindungi Orang Pelarian: Kajian Perbandingan Antara Indang-Undang Adat Antarabangsa dan Islam. *International Convention on The Basic Structure of Constitution*, (pp. 234-244).

- Noor Farhana Binti Ahmad Pazil. (2020). Aplikasi Enam Dimensi Kelompok Minoriti Berdasarkan pendekatan Kinloch: Perubahan Sosio-Politik Minoriti Rohingya. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 311-325.
- Norali@Ag Norali bin Ag Damit. (22 Mei, 2023). Definisi Pelarian. *Temu bual*.
- Ramli bin Dollah. (2018). Sekuritisasi Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah. 1-344.
- Rodziana Mohamed Razali, Tamara Joan D. & Nessa Ni Xuan L. (2022). Digitalisation of Birth Registration System in Malaysia: Boon or Bane for The Hard-to-Reach and Marginalised? *Journal of Migration and Health*, 6, 1-8.
- Rohmad Adi Yulianto. (2019). Positivising Shari'a In National Regulation Through Maqasid Approach (Studies on Government Policy in Handling of Foreign Refugees in Indonesia). *Jurnal Hukum Islam*, 19(2), 271-292.
- Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi. (23 April, 2022). *Kaji Semula Pemberian Kad UNCHR kepada Pelarian Etnik Rohingya*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/948773/kaji-semula-pemberian-kad-unchr-kepada-pelarian-etnik-rohingya>
- Sitti Rima Najir. (2019). Sejarah Populasi Sabah: Impak Terhadap Sosioekonomi, 1960-an Hingga 2000-an. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 4(1), 65-85.
- Suhaili Abdul Rahman & Kamarulnizam Abdullah. (2018). Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 3(5), 55-67.
- The Office of High Commissioner for Human Rights, OHCHR. (T.th). *Universal Declaration of Human Rights - English*. Retrieved 26 Mac, 2023, from United Nations Human Rights Office of The High Commissioner: <https://www.ohchr.org/en/human-rights/universal-declaration/translations/english>
- UNICEF. (2015). *Mapping Alternative Learning Aprroaches, Programmes and Stakeholders in Malaysia*. Retrieved 25 Mac, 2023, from [https://www.unicef.org/malaysia/Mapping\\_Alternative\\_Learning\\_Report.pdf](https://www.unicef.org/malaysia/Mapping_Alternative_Learning_Report.pdf)
- United Nations Development Programme (UNDP). (2015). *The Millennium Development Goals Report 2015: Malaysia*. (Kuala Lumpur: UNDP Malaysia)
- United Nations High Commissioner For Refugees , (. (t.th). *Convention and Protocol Relating To The Status Of Refugees*. Retrieved 26 Januari, 2023, from <https://www.gdrc.org/doyourbit/refugee-convention.pdf>
- Vengadesan, M. (8 Januari, 2022). 'Anak Pelarian Tak Kenang Budi'- Teguran Beliawanis MCA Guris Hati Aktivis. Retrieved from malaysiakini Berita: <https://www.malaysiakini.com/news/606083>
- Vincent Pang, Mei-Teng Ling & Rose Patsy Tibok. (2019). Achievement of Children in an Alternative Education Programme for Refugee, Stateless and Undocumented Children in Sabah, Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 4(2), 335-361.
- Zulfaqar Mamat & Rodziana Mohamed Razali. (2020). Pengurusan Perkahwinan Masyarakat Rohingya di Malaysia Menurut Perspektif Undang-Undang dan Syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(2), 243-274.
- Zulfaqar Mamat, Rodziana Mohamed Razali, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Tasneem Rahamatullah. (2020). Kajian Awalan Pendekatan Maqasid Syariah Sebagai Alternatif dalam Dasar dan Perundangan Berkaitan Pelarian di Malaysia. *International Journal of Maqasid Studies & Advanced Islamic Research*, 1(1), 1-14.